

SULIT

**NO. KAD PENGENALAN**

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

# **SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018**

TASAWWUR ISLAM

## Kertas 1

Nov./Dis.

$1\frac{1}{4}$  jam

5226/1

**Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
  2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A**, dan **Bahagian B**.
  3. Jawab semua bahagian.
  4. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 12 di dalam kertas peperiksaan ini.
  5. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab **semua** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
  6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	<b>1-20</b>	20	
B	<b>21-40</b>	20	
<b>Jumlah</b>		<b>40</b>	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

SULIT



**Bahagian A**

[20 markah]

- 1 Antara yang berikut yang manakah keistimewaan institusi kekeluargaan bagi menjamin keturunan manusia?

- A Memelihara kesucian zuriat.
- B Memupuk perasaan kasih sayang.
- C Mengelakkan diri daripada maksiat.
- D Menjadikan seseorang lebih berdisiplin.

- Menunaikan hak-hak yang wajib terhadap harta.
- Melaksanakan tanggungjawab sosial.

- 2 Manakah antara contoh berikut yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A Infak dan jariah.
- B Wakaf dan hibah.
- C Zakat dan sedekah.
- D Wasiat dan hadiah.

“Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah”.

- 3 Pernyataan di atas merujuk konsep \_\_\_\_\_.

- A Asma' wa sifat
- B Rabbaniyyah
- C Rububiyyah
- D Uluhiyyah

Encik Rahmat menunaikan solat jamak dan qasar ketika bermusafir.

- 4 Pernyataan di atas menerangkan contoh \_\_\_\_\_.

- A thabat
- B murunah
- C 'alamiyyah
- D syumuliyyah

Ahmad telah menerima wang sebanyak RM100 000 ribu daripada isterinya setelah beliau bersetuju memenuhi tuntutan isterinya untuk bercerai. Bayaran itu sebagai ganti rugi atas persetujuan tersebut.

- 5 Situasi di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A talak  
B idah  
C fasakh  
D khuluk
- 6 Semua yang berikut ialah ciri-ciri kebenaran Islam **kecuali**
- A agama yang ramai penganut.  
B ajaran yang mudah diamalkan.  
C agama yang sesuai kepada semua manusia.  
D ajaran yang membangunkan tamadun manusia.
- 7 Manakah antara yang berikut cara meningkatkan kualiti ibadat kepada Allah SWT?
- A Menyanjungi orang-orang yang berilmu.  
B Melaksanakan ibadat mengikut kemampuan.  
C Melakukan ibadat khusus tanpa mengira waktu.  
D Mendalami ilmu pengetahuan tentang sesuatu ibadat.
- 8 Antara yang berikut yang manakah cara penyelesaian masalah menurut Islam melalui nasihat?
- A Berinteraksi dengan bijaksana.  
B Berbahas untuk mencari kebenaran.  
C Mengadakan mesyuarat secara berkala.  
D Mengutamakan pandangan orang yang lebih tua.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

- Menanamkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- Takut akan azab Allah SWT.
- Hukuman yang berat kepada pesalah.

- 9** Pernyataan di atas adalah contoh penyelesaian masalah menurut Islam bagi mengatasi masalah \_\_\_\_\_.
- A perpecahan masyarakat  
B lumba haram  
C bunuh diri  
D rasuah
- 10** Hakim menjatuhkan hukuman dengan mensabitkan kesalahan berdasarkan ujian DNA. Peraturan keterangan yang digunakan oleh hakim dalam kes di atas ialah
- A pertuduhan  
B pengadilan  
C pembuktian  
D penyiasatan
- 11** Apakah bukti Islam bersifat ‘Alamiyyah dalam bidang sosial?
- I Islam mengutamakan keamanan mengikut kaum.  
II Islam memberi kebebasan memiliki harta yang halal.  
III Islam mementingkan hak perlindungan dan kehormatan.  
IV Islam tidak memaksa manusia memeluk Islam.
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV
- 12** Antara yang berikut yang manakah tuntutan bekerja dalam Islam?
- A Memenuhi keperluan hidup.  
B Mengelak daripada dizalimi.  
C Memenuhi tuntutan fardu kifayah.  
D Mengumpul harta dengan berhemah.

- 13** Antara yang berikut yang manakah fatwa yang telah diwartakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan?
- A Hukum menutup aurat.  
B Hukuman bunuh kepada pembunuhan.  
C Hukum potong tangan kepada pencuri.  
D Hukum harus menderma organ badan manusia.

Umat Islam wajib memakan makanan yang halal dan baik tetapi dibolehkan memakan makanan yang haram ketika darurat.

- 14** Pernyataan di atas menerangkan tentang \_\_\_\_\_.
- A thabat dan murunah  
B thabat dan waqi'iyyah  
C murunah dan waqi'iyyah  
D murunah dan syumuliyyah

Encik Rahman membayar zakat perniagaannya secara atas talian (*on line*).

- 15** Situasi di atas menunjukkan beliau mengamalkan konsep \_\_\_\_\_.
- A Syumuliyyah  
B 'Alamiyyah  
C Waqi'iyyah  
D Rabbaniyyah
- 16** Antara yang berikut yang manakah tujuan melaksanakan ibadat?
- I Mendidik manusia tidak terlalu mencintai kebendaan.  
II Memenuhi peraturan dalam ibadat.  
III Mencapai kebahagiaan hidup.  
IV Latihan jasmani dan rohani.
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

Satu daripada cara untuk menghayati sifat Rabbaniyyah ialah berjihad dengan nyawa, harta dan fikiran.

- 17 Pilih jawapan di bawah yang selari dengan pernyataan di atas.
- A Melakukan ibadah dengan penuh keikhlasan.  
B Mereka cipta teknologi untuk kemajuan ummah.  
C Mewasiatkan semua harta untuk kepentingan agama.  
D Mengutamakan ilmu fardu ain berbanding ilmu fardu kifayah.
- 18 Berdasarkan pernyataan di atas, manakah antara yang berikut tepat dengan etika kehakiman?
- A Mengelakkan hukuman secara pilih kasih.  
B Jujur dan amanah dalam melaksanakan tugas.  
C Adil dengan tidak menyebelahi mana-mana pihak  
D Tidak menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya.
- 19 Punca utama faktor-faktor di atas ialah pengabaian tanggungjawab \_\_\_\_\_.
- A rakyat  
B gabenor  
C khalifah  
D pentadbir
- 20 Antara yang berikut yang manakah ciri sistem sosial Islam?
- A Perhubungan atas dasar keluarga dan bangsa.  
B Mengutamakan kepentingan umum daripada individu.  
C Pergaulan berdasarkan undang-undang sesebuah negara.  
D Mengutamakan kemuliaan seseorang dalam masyarakat.

**Bahagian B**

[20 markah]

**Soalan 21 hingga Soalan 24***Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan.*

- 21 Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT.

1

- 22 Hasil ijтиhad majoriti ulama dalam sesuatu perkara pada masa tertentu yang tidak jelas nasnya dalam al-Quran atau al-Hadis.

1

- 23 Menggunakan kemahiran untuk memperoleh keuntungan peribadi dengan cara yang salah seperti mengurangkan timbangan secara licik semasa jual beli tanpa disedari oleh pembeli.

1

- 24 Ahli hukum Islam yang memutuskan sesuatu hukum fiqh berasaskan nas al-Quran, al-Hadis dan menurut pendapatnya sendiri.

1**Soalan 25 hingga Soalan 28***Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.*

- 25 Al-Qias adalah salah satu sumber perundangan Islam yang menghubungkan hukum yang tidak ada (cabang) kepada hukum yang ada (asal) kerana bersamaan \_\_\_\_\_.

1

- 26 Fahaman \_\_\_\_\_ ialah fahaman yang mahukan demokrasi dan kebebasan dalam kegiatan ekonomi, politik dan sosial.

1

- 27 Di antara cara Islam memelihara kehormatan diri ialah dengan cara melarang umatnya menghina dan menjatuhkan \_\_\_\_\_ seseorang.

1


- 28 Kagum dengan amalan sendiri serta sompong dalam melakukan sesuatu ibadat serta memandang rendah dan memperlekeh-lekehkan amalan kebaikan orang lain merupakan sifat \_\_\_\_\_ yang merosakkan ibadat.

1

**Soalan 29 dan Soalan 30 berdasarkan Rajah 1 di bawah.**

*Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.*

**Rajah 1** merupakan kesan buruk kepada pihak yang mengabaikan tanggungjawab terhadap harta.



**Rajah 1**

1
---

29 A ialah \_\_\_\_\_

1
---

30 B ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 31 hingga Soalan 32 berdasarkan Jadual 1 di bawah.**

*Tulis jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.*

**Jadual 1** menerangkan bentuk hukuman bagi kesalahan takzir dan kesannya.

Bentuk hukuman	Kesannya
C	Pesalah akan berasa terhina dan hidup bersendirian.
Perisyntiharhan umum	Penjenayah akan berasa malu untuk mengulangi kesalahannya kerana telah diketahui umum.
D	Menginsafkan pesalah dan menakutkan orang lain.

**Jadual 1**

1
---

31 C ialah \_\_\_\_\_


1
---

32 D ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 33 hingga Soalan 36**

Tulis jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.

**Carta 1** adalah berkaitan alam ghaib yang dilalui oleh manusia.

**Carta 1**

33 E ialah \_\_\_\_\_

1
1
1
1

34 F ialah \_\_\_\_\_

1
---

35 G ialah \_\_\_\_\_

1
---

36 H ialah \_\_\_\_\_

1
---

**Soalan 37 hingga Soalan 40**

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (✗) pada pernyataan yang salah.

- 37 Peraturan yang dicipta oleh akal manusia tidak bersifat menyeluruh kerana memihak kepada golongan tertentu seperti bangsa, keturunan, agama dan warna kulit.
- 38 Mekah adalah kota pertama dalam pemerintahan Islam yang diasaskan oleh Rasulullah SAW.
- 39 Orang yang melakukan perkara sunat akan menjadikan dirinya sentiasa melakukan perkara-perkara kebaikan.
- 40 Membaca al-Quran, berzikir dan bersedekah adalah contoh ibadat umum.

1
1
1
1

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**Markah  
Bahagian B**